

23 MAR 1997

Sanusi-Cerdik

KEGEMILANGAN KEDAH LAHIRKAN CERDIK PANDAI AKAN DIKEMBALIKAN

LANGKAWI 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mengembalikan kegemilangan Kedah yang sebelum ini terkenal kerana melahirkan ramai cerdik pandai menerusi pelbagai program peningkatan pendidikan.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid berkata prestasi pelajar di negeri ini sejak kebelakangan ini menurun dan adalah wajar usaha-usaha mengembalikan kegemilangan masa lepas ditingkatkan.

"Kedah telah melahirkan Perdana Menteri pertama dan keempat iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta ramai lagi tokoh dalam pelbagai bidang mendahului negeri-negeri lain," katanya pada majlis Malam Bintang-bintang Gemerlapan di sini malam tadi.

Majlis itu diadakan bagi meraikan 57 orang penerima anugerah bintang sempena Hari Keputeraan Sultan Kedah ke 69 baru-baru ini.

Katanya, rakyat di negara ini harus berbangga kerana Dr Mahathir turut diakui sebagai tokoh dunia dan Anugerah Raja Faisal yang diberikan kepadanya baru-baru ini adalah satu lagi pengiktirafan terhadap usahanya membangunkan Islam di dunia.

Beliau yakin menerusi program mentelaah pelajaran yang melibatkan 45,000 pelajar di 94 masjid seluruh negeri itu akan dapat melahirkan lebih ramai cerdik pandai yang bakal menggantikan tokoh-tokoh terdahulu.

Katanya, berdasarkan kajian yang dibuat ke atas 100 pelajar yang mengikuti program itu, seramai 98 daripada mereka menyukainya kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk mentelaah pelajaran bersama rakan-rakan.

"Jika anak-anak kita berjinak dengan masjid pasti perangainya akan berubah menjadi manusia yang bertakwa dengan Allah " katanya.

Beliau berkata, keadaan rumah yang sempit serta suasana persekitaran tidak sesuai menyebabkan para pelajar tidak berminat mentelaah di rumah.

"Kerajaan juga merancang membina gelanggang sepaktakraw dalam kawasan masjid bagi menarik minat remaja mendekati masjid," katanya.

-- BERNAMA

ZI NH HJ